

# SIARAN MEDIA

## Untuk Siaran Segera



### **WARGA BANK ISLAM TURUN PADANG SERTAI HARI AMAL BANK ISLAM 2019 DI SELURUH NEGARA**

**RM200,000 Diperuntukkan Untuk Aktiviti AMAL di Seluruh Negara**

**BUTTERWORTH, Sabtu, [19 Oktober 2019]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menganjurkan Hari AMAL Bank Islam 2019 hari ini. Program ini merupakan satu inisiatif tanggungjawab korporat yang melibatkan sukarelawan warga Bank Islam termasuk ahli Pengurusan untuk turun padang melakukan kerja-kerja kebajikan dan menyampaikan sumbangan. Ia dilaksanakan secara serentak di 15 lokasi di seluruh negara dengan tujuan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dan memelihara alam sekitar di samping menggalakkan semangat kesukarelawanan di kalangan warga kerja Bank Islam serta mewujudkan keseimbangan kehidupan dan kerja.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed, "Hari AMAL Bank Islam 2019 ini merupakan kali ketiga diadakan sejak diperkenalkan pada tahun 2017. Untuk tahun ini kami menyediakan peruntukan sejumlah RM200,000 di mana lebih RM100,000 adalah dari dana zakat dan RM27,000 untuk aktiviti pemeliharaan alam sekitar serta RM73,000 adalah peruntukan khusus untuk Hari AMAL. Kami menganggarkan lebih dari 861 warga Bank Islam di seluruh negara, termasuk ahli pengurusan serta 250 orang sukarelawan lain akan turun padang melakukan kerja-kerja kebajikan di 15 lokasi. Seramai 2,471 penerima manfaat yang terdiri dari individu dan institusi akan disantuni sepanjang Hari AMAL ini. Secara keseluruhan, sejumlah 6,666 jam diluangkan oleh semua sukarelawan untuk menjayakan program Hari AMAL kali ini".

Di negeri Pulau Pinang, Hari AMAL Bank Islam 2019 diketuai oleh Encik Zainal Azlan Zainudin, Ketua Pegawai Teknologi Bank Islam dan diadakan di Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Bagan Indah.

PDK Bagan Indah mempunyai seramai 30 orang pelatih berdaftar kurang upaya termasuk yang mengalami masalah penglihatan, pendengaran, pembelajaran dan palsi serebrum (*cerebral palsy*). PDK ini juga menghasilkan produk jualan seperti cendawan tiram kelabu, tepung serbaguna dan menjalankan perniagaan dobi yang diusahakan sendiri oleh para pelatih dengan pemantauan penyelia.

Aktiviti-aktiviti Hari AMAL Bank Islam 2019 yang diadakan di PDK Bagan Indah merangkumi gotong-royong penambahbaikan, mengecat dan menghias bangunan tersebut serta sumbangan zakat kepada 15 pelatih asnaf PDK terpilih. Turut diadakan aktiviti Ziarah AMAL ke lima rumah asnaf terpilih di kawasan berdekatan dengan penyampaian sumbangan zakat berjumlah RM5,000.

Hari AMAL Bank Islam 2019 yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat ini disertai oleh 32 sukarelawan Bank Islam cawangan Butterworth. Bank Islam memperuntukkan dana berjumlah RM17,800 yang terdiri daripada dana zakat bernilai RM11,000 dan bakinya adalah peruntukan khusus Hari AMAL.

Hari AMAL 2019 ini adalah sebahagian daripada inisiatif Bank Islam menyokong Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation - VBI*) yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai hala tuju strategik industri perbankan Islam seterusnya. Tambahan pula, elemen-elemen inisiatif tanggungjawab korporat Bank Islam seperti Hari AMAL ini adalah untuk mencapai agenda Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals - SDG*) 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (“PBB”) yang berikut:

- SDG 1 – Tiada Kemiskinan
- SDG 4 – Pendidikan Berkualiti
- SDG 11 – Bandar dan Komuniti yang Lestari

Melangkah ke hadapan, Bank Islam akan terus berusaha untuk mencapai lagi matlamat-matlamat SDG yang lain dan ini secara langsung selari dengan hala tuju Bank Islam mementingkan tonggak *Triple Bottom Line* iaitu manusia, planet dan kemakmuran (*people, planet and prosperity*).

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

#### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 147 cawangan dan lebih daripada 1100 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

|   |   |
|---|---|
| <b>Wan Norkhairi Wan Samad</b><br>Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan<br>Bank Islam Malaysia Berhad<br>Tingkat 31, Menara Bank Islam<br>No. 22, Jalan Perak<br>50450 Kuala Lumpur<br>Tel: 03-2782 1232<br>Mobile: 019-339 4491<br>Faks: 03-2782 2998<br>Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a><br>Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a> | <b>Omar Atin</b><br>Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan<br>BIMB Holdings Berhad<br>Tingkat 31, Menara Bank Islam<br>No. 22, Jalan Perak<br>50450 Kuala Lumpur<br>Tel.: 03-2781 2943<br>Mobile: 019-391 9144<br>Faks: 03-2782 2998<br>Emel: <a href="mailto:omar@bimboldings.com">omar@bimboldings.com</a><br>Web: <a href="http://www.bimboldings.com">www.bimboldings.com</a> |
|---|---|